Menurut Morrison (1998) bermain itu merupakan proses bermulanya kanak-kanak untuk belajar. Kanak-kanak yang kerap bermain bersama ibu bapa akan mudah bergaul bersama rakan sebayanya. Mereka menjadi lebih cepat untuk menguasai kemahiran sosial (Mize & Abell, 1996). Sementara

Landreth (2002) menyatakan, bermain merupakan perantara yang semula jadi bagi kanak-kanak untuk melakukan ekspresi. Axline (dalam Ryan, 1995) kanak-kanak mampu untuk melakukan ekspresi emosi mereka melalui bermain, kerana bermain merupakan perkembangan yang sesuai dalam diri kanak-kanak untuk penyembuhan. Kanak-kanak dapat menyedari bahawa kuasa untuk membuat pilihan datangnya dari diri mereka sendiri. Axline (dalam Findling, 2004:8) menjelaskan:

“Play”is symbolic of his feeling” and that the therapist must not push the child out of the symbolic representation before the child is ready”.

Pernyataan ini menggambarkan bahawa perlunya perlindungan terhadap perasaan dan pengalaman dalam diri kanak-kanak. Lanjutan dari itu, Erikson dalam Findling (2004) mengiktiraf mengenai kepentingan bermain terhadap perkembangan personaliti kanak-kanak. Beliau berpendapat bermain dapat menggabungkan kualiti ego seperti kepercayaan, autonomi dan identiti dalam suasana kanak-kanak bersosial. Lanjutan dari itu, Erikson (dalam Findling, 2004:7) menjelaskan:

“I propose the theory that child’s play is the infantile form of the human ability to deal with experience by creating model situations and to master reality by experiment and planning.”

Beliau merumuskan bahawa kebolehan kanak-kanak untuk bermain ialah pengalaman yang dialami dan ini merupakan tindakan penyembuhan sendiri yang terbaik kepada kanak-kanak. Erikson juga turut menyokong mengenai teori perkembangannya dengan membuat rumusan bahawa bermain

itu merupakan ekspresi yang bermakna untuk kanak-kanak memahami diri mereka dan juga terhadap orang lain. Bermain merupakan prosedur yang dapat membantu kanak-kanak untuk bersedia melakukan sesuatu yang penting seperti bertutur. Menurut Landreth, Baggelly dan Tyndall (1999) bermain adalah perlu dalam kehidupan kanak-kanak kerana bermain merupakan perantara yang membolehkan kanak-kanak berkomunikasi sepenuhnya dengan membuat reaksi penerokaan pengalaman yang dikehendaki.

Menurut Landreth (2002) bermain merupakan satu pemusatan aktiviti kanak-kanak. Bermain berlaku setiap masa di seluruh tempat di dalam dunia ini. Kanak-kanak tidak perlu dilatih dan dipaksa untuk bermain. Mereka bermain secara spontan dengan menikmati keseronokan secara sukarela dan bermain tidak mempunyai matlamat. Bermain merupakan perantara komunikasi semulajadi bagi kanak-kanak dan digambarkan sebagai ekspresi sendiri, kerana ia membolehkan kanak-kanak melakukan ekspresi pengalaman dalaman mereka secara semulajadi.

Menurut Piaget, 1962 (dalam Landreth, 2002) bermain dapat merapatkan jurang antara pengalaman yang konkrit dan pemikiran yang abstrak. Piaget menjelaskan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak itu melalui beberapa peringkat. Lanjutan dari itu Piaget, 1962 (dalam Ray, Armstrong, Warren & Balkin, 2005) menyatakan kebolehan kanak-kanak

adalah terhad untuk membuat taakulan tentang perkara yang abstrak pada usia lapan hingga 11 tahun (*tahap konkrit operasional*). Kanak-kanak tidak mampu untuk berkomunikasi secara lisan mengenai perkara yang abstrak ketika mereka mengalami masalah yang menyulitkan seperti berlakunya perceraian ibu bapa. Mereka mengalami kesukaran untuk melakukan ekspresi emosi yang rumit seperti rasa geram dan ini merupakan pemahaman yang abstrak bagi mereka untuk memahami emosi tersebut. Melalui bermain sajalah kanak-kanak dapat dibantu untuk menyalurkan pengalamannya, perasaannya, keinginan atau hasrat dalaman, kerisauan, tekanan dan sebagainya. Kanak-kanak akan belajar berkomunikasi melalui pengalaman yang konkrit. Oleh itu bermain merupakan perantaraan yang sesuai bagi mencapai komunikasi bersama kanak-kanak. Bagi memenuhi keperluan kanak-kanak ini terapi bermain dibentuk dan perkembangannya mula mendapat perhatian di sekolah kebangsaan.

1.3 Perkembangan Terapi Bermain

Sebagaimana yang diketahui umum di negara Barat terapi bermain telah mula berkembang dan mendapat perhatian apabila terbentuknya program bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah pada tahun 1960. Pada tahun 1960-an terapi bermain telah didominasi oleh pengamal-pengamal swasta yang memfokus kepada kanak-kanak salah penyesuaian. Perkembangan program bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah rendah dari semasa ke

semasa, pendidik-pendidik kaunseling seperti Alexander, 1964 (dalam Donald E. Mc, 2000) telah menjelaskan pengalaman dan pendapat mereka mengenai terapi bermain. Mereka telah berusaha dengan menggalakkan penggunaan terapi bermain di sekolah-sekolah rendah dengan tujuan supaya dapat membantu khususnya keperluan perkembangan kanak-kanak. Sehubungan dengan galakan ini telah menimbulkan persoalan iaitu adakah kaunselor sekolah rendah perlu menggunakan terapi bermain ketika berkomunikasi dengan kanak-kanak? Landreth dan Bratton (2000) menyarankan kaunselor sekolah rendah menggunakan terapi bermain untuk membantu kanak-kanak bagi membolehkan mereka mengekspresikan perasaan dan berkomunikasi. Tujuannya supaya kanak-kanak berasa mereka diterima dan difahami. Kaedah yang digunakan ahli terapi ini sebagai kuasa penyembuh bagi membantu kanak-kanak dalam menyelesaikan masalah psikologikal.

Sehubungan itu kaunselor sekolah rendah perlulah dibekalkan dengan latihan khusus dan pengetahuan yang sesuai. Latihan dan pengetahuan berkaitan dengan terapi bermain merupakan persediaan bagi membolehkan kaunselor menghadapi kanak-kanak di sekolah rendah kelak (Hoise & Mackey, 1985). Menurut Erdman dan Lampe (1996) kaunselor sekolah rendah perlulah mengambil perhatian tentang ciri-ciri khusus kanak-kanak seperti kognitif, emosi, fizikal dan psikologikal. Kaunselor perlu memahami konsep dan masalah dari perspektif kanak-kanak dan cara bagaimana membuat intervensi

pada tahap pemahaman kanak-kanak. Bagi memenuhi keperluan ini kaunselor dikehendaki membuat modifikasi asas kaunseling yang mereka sudah amalkan dan seterusnya mengadaptasikan kepada klien kanak-kanak. Oleh itu langkah-langkah yang perlu diambil oleh kaunselor sekolah rendah antaranya ialah mewujudkan suasana fizikal dan psikologikal yang selesa terhadap perspektif kanak-kanak, membentuk kepercayaan dalam membina hubungan, mengekalkan sikap membantu dan sikap bertanya. Menurut Ivey (1994) kaunselor perlu membuat adaptasi dengan menggunakan kemahiran komunikasi seperti membuat refleksi terhadap ekspresi ketika bermain. Langkah ini dilakukan dengan mengesan tingkah laku dan emosi kanak-kanak melalui bermain. Selain dari itu, kaunselor perlu membuat refleksi maksud dan perasaan, membuat interpretasi dan menggunakan metafora dengan bermain, bercerita dan melukis. Langkah ini adalah untuk menyesuaikan dengan keperluan kaunseling kanak-kanak.

Selaras dengan ciri-ciri kaunseling kanak-kanak tersebut, perkembangan terapi bermain di Malaysia telah diperkenalkan dalam proses mula merekrut ahli dan membentuk badan penasihat. Objektif terapi bermain ialah seperti menyediakan infrastruktur yang profesional dan berkhidmat secara terapeutik bersama kanak-kanak. Pada tahun 2000, Ng Kee Seng telah menubuhkan AGAPE dengan memperkenalkan Terapi Bermain Pemusatan Kanak-Kanak dari Amerika. Beliau telah menubuhkan pusat perkhidmatan terapi bermain

yang pertama di Malaysia. Sejak tahun 2001 pengamal-pengamal terapi bermain dari Amerika dan Taiwan seperti Dr. Linda Homeyer, Dr. Daniel Sweeney dan Dr. Kao telah bekerjasama, menganjurkan latihan dan kursus di AGAPE. Tujuan mereka ialah memberi pendedahan dan pemahaman terapi bermain kepada masyarakat awam di Malaysia. Bermula dari itu terapi bermain telah mula berkembang bagi membantu untuk pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, ibu bapa dan guru. Hampir lapan tahun kanak-kanak telah didedahkan dengan perkhidmatan terapi bermain dan jumlah bilangannya telah meningkat dari setahun ke setahun. Perkembangan ini adalah disebabkan pesatnya perubahan sosial kanak-kanak dan cabaran keluarga yang dinamik. Terapi bermain sesuai dan boleh dijalankan di negara ini seperti di taman didikan kanak-kanak, sekolah kebangsaan, pusat kanak-kanak terencat akal, pusat komuniti, wad kanak-kanak dan di institut pendidikan. Usia yang sesuai bagi kanak-kanak ialah melebihi empat tahun ke atas (Allison, 1999).

Perkembangan terapi bermain di Malaysia merupakan paradigma baru. Paradigma terapi bermain yang baru ini akan membantu GBK untuk berhubung secara lebih efektif melalui bermain yang merupakan bahasa kanak-kanak. Oleh yang demikian, terapi bermain ini dianggap relevan dan sesuai diaplikasikan semasa menjalankan proses kaunseling bersama kanak-kanak di sekolah kebangsaan. Latihan-latihan dan pengetahuan terapi bermain perlulah

diberikan kepada GBK sekolah kebangsaan di negara ini supaya dapat memantapkan lagi keyakinan dan kepercayaan mereka semasa menjalani proses kaunseling bersama murid. Langkah ini bertujuan supaya terapi bermain dapat membantu mengalihkan pandangan GBK dengan lebih produktif.

1.4 Kerisauan

Kerisauan boleh menyebabkan gangguan mental yang sering berlaku kepada kanak-kanak (Ford, Goodman & Meltzer, 2003). Anggaran 10% hingga 21% kerisauan memberi kesan kepada kanak-kanak (Anderson, Williams, McGee & Suva, 1987). Petanda-petanda kerisauan ialah seperti berlakunya peningkatan kemuraman, penurunan estim sendiri, kesukaran memfokus serta bermasalah untuk mewujudkan perhubungan dan bersosial bersama rakan sebaya (Costello, Mustillo, Erkanil, Keeler, & Angold, 2003). Fenomena ini sering berlaku kepada kanak-kanak dan juga orang dewasa. Mereka tidak berupaya untuk berhubung dengan diri sendiri, persekitaran sosial dan fizikal.

Menurut Freud dalam Spielberger (1983) kerisauan merupakan keadaan emosi yang tidak menyenangkan dan merupakan pengalaman yang sejagat. Lanjutan dari itu Freud (dalam Okun, 1997) menyatakan kerisauan merupakan tanda penderitaan yang utama berpunca dari bawah sedar. Kerisauan

menyebabkan emosi yang tertahan timbul dari konflik asas iaitu id, ego dan superego. Freud menyarankan tiga jenis kerisauan yang wujud dalam diri seseorang iaitu;

- (i) Kerisauan realistik: Kerisauan realistik berlaku apabila terdapat ancaman-ancaman sebenar dihadapi seseorang dengan situasi atau keadaan yang berbahaya. Kerisauan juga boleh bertindak sebagai suatu rangsangan yang beraksi untuk mengurangkan ancaman itu dan aksi seperti ini akan mengurangkan kerisauan. Jikalau tindak balas tidak diambil maka kerisauan akan meningkat dan ini akan mencederakan individu berkenaan.
- (ii) Kerisauan neurotik: Kerisauan neurotik berlaku apabila impuls *id* mengancam untuk lepas keluar dan ini menyebabkan dirinya dihukum kelak. Individu berkenaan takut akan hilang kawalan dan terjerumus ke dalam masalah. Sudah tentu perasaan takut ini tidaklah semuanya disedari, dan individu berkenaan cenderung untuk mengalami kerisauan tanpa berupaya untuk memperihalkan puncanya. Perasaan-perasaan cemas yang am dan sekatan kehampaan sering berlaku.
- (iii) Kerisauan moral: Kerisauan moral pula berlaku akibat pengaruh superego iaitu apabila seseorang itu berfikir, berasa atau melakukan sesuatu yang bercanggah dengan nilai-nilai atau standard-standard moral yang telah diterimanya.

Superego berupaya menghasilkan perasaan rasa bersalah, malu dan perasaan rendah diri apabila seseorang itu tersilap dalam pengendalian tingkah laku atau memikirkan sesuatu, melibatkan kepada hukuman dalam hati nurani sendiri.

Menurut Spielberger (1983) kerisauan wujud sebagai masalah utama dan tema yang paling mempengaruhi dalam kehidupan yang moden ini, manakala Twenge (2000) menyatakan dalam kehidupan yang moden pada hari ini didapati berlakunya peningkatan perceraian dalam kalangan ibu bapa, wujudnya ancaman-ancaman dari pihak pegganas, berlakunya pemindahan dalam keluarga disebabkan pengambilan untuk berkerja, maka didapati tahap kerisauan telah meningkat dalam kalangan kanak-kanak dan juga orang dewasa. Hampir empat puluh tahun yang lalu melalui kajian meta analisis menunjukkan tahap kerisauan ini meningkat, tetapi tidak dapat membuat kepastian bahawa keadaan seperti perubahan sosial, kejadian semasa seperti ancaman-ancaman oleh pihak pegganas dan bencana alam merupakan punca sebenar yang mempengaruhi kerisauan.

Bagi murid-murid sekolah kesan kerisauan ini telah menunjukkan petanda pada fizikal mereka, seperti berlakunya sesak nafas, kelembapan di tapak tangan, peningkatan kelajuan degupan jantung, mengalami masalah ketika tidur, kejang otot dan menggeletar (American Psychiatric Association,

1994). Usia dan jantina adalah faktor yang boleh dikaitkan dengan kerisauan normal berlaku kepada kanak-kanak. Dari tinjauan literatur menyenaraikan antara petanda-petanda umum kerisauan kepada kanak-kanak berlaku pada usia yang muda berkaitan dengan kerisauan seperti berpisah, manakala bagi kanak-kanak yang dewasa seperti masalah sosial dan ketakutan umum (Ford, Goodman & Meltzer, 2003). Tinjauan terhadap jantina pula menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan mengalami satu setengah hingga dua kali ganda gangguan kerisauan berbanding kanak-kanak lelaki (Breton, Bergeron, Valla, Berthiaume, Gaudet, & Lambert, 1999). Setiap individu itu adalah berbeza dan unik, maka kesan kerisauan yang dialami terhadap individu itu tidak sama. Sebagai contoh terdapat individu yang mengidap penyakit lumpuh dan ada individu yang berfungsi normal akibat kesan kerisauan. Bagi kanak-kanak telah menjadi satu perkara biasa kepada mereka apabila mereka mengalami pengalaman kerisauan ketika berhadapan dengan situasi yang baru atau pengalaman yang pertama kali dalam hidup mereka. Mereka akan mengalami pelbagai ketakutan ketika pada tahap umur yang berbeza-beza. Bayi yang berumur empat hingga 12 bulan mereka akan mengalami kerisauan terhadap individu yang belum pernah mereka kenal. Kejadian ini disusuli pula dengan perkembangan kerisauan kerana berpisah dari ibu bapa apabila mereka masuk ke alam persekolahan. Kanak-kanak yang masih bertakut dan kanak-kanak prasekolah yang berusia antara dua hingga enam tahun, mereka akan berasa risau mengenai perkara yang berkaitan dengan makhluk

fantasi dan raksasa. Kanak-kanak yang berusia antara tujuh hingga 11 tahun mereka pula akan mengalami kerisauan berkaitan dengan situasi sebenar yang akan berlaku dalam diri mereka (Castellanos & Hunter, 2000).

Kanak-kanak juga berasa risau terhadap peristiwa buruk yang mungkin berlaku kepada ibu bapa mereka. Peristiwa buruk ini seperti kemalangan ketika memandu, jatuh sakit secara mengejut dan penculikan. Kanak-kanak menggambarkan dengan membuat andaian bahawa tidak akan lagi bertemu dengan ibu bapa mereka (American Psychiatric Association, 1994). Kekerapan kerisauan yang berlaku di sekolah dapat dilihat ialah ketika kanak-kanak mula berpisah dari ibu bapa pada hari pertama ke sekolah. Kanak-kanak akan menderita seperti menangis, berperangai buruk atau mengalami tanda-tanda sakit kepala, muntah dan sakit perut. Kerisauan berpisah ini merupakan impak yang rapat dengan fungsi keluarga, perhubungan dan ini boleh membataskan interaksi sosial kanak-kanak.

Kerisauan umum merupakan ciri-ciri kerisauan berlebihan yang merentasi bidang kehidupan (American Psychiatric Association, 1994). Kerisauan ini merangkumi perkara-perkara seperti penglibatan kanak-kanak dengan sekolah, situasi baru yang dialami kanak-kanak, masalah kesihatan dan isu keluarga atau sosial. Kanak-kanak agak sukar untuk mengawal kerisauan ini dan mengalami tanda-tanda somatik selama lebih dari enam

bulan. Tanda-tanda somatik ini seperti tekanan otot, gangguan tidur, kesulitan membuat konsentrasi dan merasa gelisah (American Psychiatric Association, 1994). Menurut Kendall dan Pimentel (2003) kerisauan umum menyebabkan kanak-kanak menjadi tidak tenang atau bersikap untuk berdiam diri.

Deffenbacher (1992) menjelaskan bahawa kerisauan sebagai pengalaman individu yang berada dalam keadaan beremosi yang tidak digemari dan bertindak untuk menghindarkan, menghapuskan atau mengawal punca kerisauan tersebut. Kerisauan mewujudkan perasaan yang subjektif akibat dari tekanan dan ketakutan, mengurangkan daya kognitif untuk berfikir dan menampilkan tingkah laku. Selain dari itu kerisauan boleh meningkatkan persepsi yang bahaya dan berisiko, meningkatkan rangsangan psikologikal atau bertindak untuk mengelak. Menurut Deffenbacher kerisauan seseorang individu terbahagi kepada tiga bidang;

(i) Bidang afektif psikologikal

Seseorang yang mengalami perasaan kerisauan yang subjektif, kebangkitan deria autonomi yang memuncak dan kebangkitan simpati dalam diri.

(ii) Bidang persepsi kognitif

Seseorang yang mengalami perubahan perhatiannya dalam melaksanakan proses informasi kognitif dan deria persepsi yang berputar belit.

(iii) Bidang tingkah laku somatik

Seseorang yang mengalami perbezaan sistem otot yang tidak sengaja dan tingkah laku yang terbuka.

Ketiga-tiga bidang tersebut boleh membawa kesan kepada seseorang yang mengalami masalah berkaitan dengan psikologikal, kognitif dan tingkah laku. Perkara ini boleh menyebabkan wujudnya kerisauan dalam dirinya. Menurut Nicolotti, el-Sheikh dan Whitson (2003) bahawa kanak-kanak yang mengalami peningkatan kerisauan dalam diri sering menunjukkan estim sendiri yang rendah.

1.5 Estim Kendiri

Estim sendiri merupakan nilai yang diberikan oleh seseorang individu terhadap dirinya sendiri berhubung dengan kebolehan diri, tingkah laku dan perwatakan diri (Woolfolk, 2001). Kanak-kanak yang mengalami estim sendiri yang tinggi mereka mempunyai ciri-ciri kebolehan yang besar untuk menjadi kreatif, berperanan aktif dalam kumpulan sosial, tidak berasa ragu-ragu, risau dan tidak mempunyai sikap berbelah bagi. Kanak-kanak mempunyai sikap yang realistik untuk mencapai matlamat personal. Dalam bidang akademik, hubungan rakan sebaya dan fizikal, mereka mudah untuk menerima dan bersikap positif walaupun terdapat perbezaan kebolehan antara satu dengan lain (Geldard & Geldard, 2002). Bagi kanak-kanak yang mengalami masalah

perceraian ibu bapa merupakan faktor yang boleh membawa kesan yang negatif terhadap estim sendiri (Bynum & Durm, 1996).

Kanak-kanak yang mengalami suasana perceraian ibu bapa akan mengalami peningkatan kerisauan, tingkah laku yang bermasalah, peningkatan kemuraman, mempamerkan kemahiran yang rendah dan kurang untuk mewujudkan perhubungan rakan sebaya. Selain itu faktor meminum minuman keras seperti alkohol oleh ibu bapa juga boleh mengakibatkan kanak-kanak mengalami estim sendiri yang rendah. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap anak-anak di rumah dan juga kurang masa untuk berinteraksi bersama anak-anak. Menurut Baumeister, Campbell, Krueger dan Vohs (2004) mereka mempercayai bahawa pencapaian akademik kanak-kanak di peringkat awal sekolah adalah disebabkan wujudnya perhubungan yang rapat antara estim sendiri dengan pencapaian akademik murid sekolah. White dan Allers, 1994 (dalam Berkowitz, 2005) bersependapat dengan Eggen dan Kauchak (2001) bahawa estim sendiri yang tinggi merupakan suatu entiti yang diperlukan. Estim sendiri dapat membantu bagi melahirkan keperibadian yang sejahtera dan merupakan syarat untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Jika dibandingkan estim sendiri jantina pula, estim sendiri murid perempuan lebih rendah berbanding murid lelaki (Bryan & Petrangelo, 1989; Pryon, 1994). Menurut Michie, Glachan dan Bray (2001) perbezaan estim sendiri bagi seseorang murid itu boleh

memberi kesan kepada kesihatan mental, kesejahteraan psikologi dan tingkah laku interpersonal. Lantaran dari kesan ini, terapi bermain dengan sokongan teori-teori kaunseling merupakan pendekatan dan strategi yang penting bagi membantu kanak-kanak.

Menurut Kottman (2003) kaunselor-kaunselor mestilah berpegang kepada orientasi teori yang bersesuaian dengan personaliti dan pandangan mereka berhubung dengan perkembangan kejayaan terapi bermain. Schaefer (2003) menyatakan;

“One of the strengths of play therapy is the diversity of theoretical approaches that are currently being applied in clinical practice with children, adolescents, and adults. This diversity is a reflection of the fact that is a multitude of therapeutic change mechanisms inherent in play. Among the more well-known therapeutic factors of play are its communication, relationship-enhancement, ego-boosting, and self-actualizing powers”.

Menurut Schaefer (2003) terapi bermain merupakan satu keistimewaan yang melibatkan kaunseling dengan menerapkan teori-teori dan intervensi berkaitan dengan psikoterapi orang dewasa (*adult psychotherapy*). Terdapat beberapa teori yang digunakan bersama terapi bermain dalam kaunseling.

1.6 Penggunaan Teori Dalam Terapi Bermain

Terdapat beberapa teori yang digunakan dalam terapi bermain berdasarkan Teori Gestalt, Teori Jungian dan Teori Freudian. Dalam kajian ini, teori pemusatan klien digunakan sebagai penyokong teori kepada teknik terapi

bermain pasir dan teknik melukis. Teori pemusatan klien ini mempunyai konsep seperti meningkatkan empati, terima tanpa syarat, menerima dengan mewujudkan suasana yang terapeutik terhadap kanak-kanak. Kanak-kanak dapat mengekspresikan pengalaman mereka dalam suasana yang bebas dengan menggunakan alat permainan. Alat permainan ini merupakan perkataan, manakala bermain pula merupakan bahasa kepada kanak-kanak. Menurut Sweeney dan Landreth (2003) terapi bermain pemusatan kanak-kanak adalah dari asas teori pemusatan klien oleh Carl Roger's model yang dibentuk pada tahun 1951. Penekanan dibuat terhadap hubungan antara kanak-kanak dengan kaunselor yang merupakan pemangkin penyembuhan (Landreth & Sweeney, 1999). Kaunselor membuat respons berempati terhadap ekspresi emosi dan pemilihan kanak-kanak semasa bermain melalui komunikasi tanpa lisan. Melalui hubungan ini kaunselor membantu kanak-kanak untuk mengenal pasti, menerima dan membentuk cara mengekspresikan perasaan ke arah kesempurnaan sendiri (Landreth, 2002). Menurut Landreth (2002) terapi bermain pemusatan kanak-kanak mengandaikan bahawa kanak-kanak merupakan sumber informasi yang terbaik bagi diri mereka. Kanak-kanak boleh mengarah diri untuk pertumbuhan yang sempurna.

Menurut Bratton dan Landreth (1995) sikap kaunselor yang prihatin, berempati, mesra dan memahami serta tumpuannya kepada kekuatan dan refleksi perasaan kanak-kanak dapat memudahkan kanak-kanak membuat

eksplorasi sendiri. Perkembangan dan hubungan yang terapeutik pada pemulaannya tidak mampu menurunkan kadar kerisauan kanak-kanak, tetapi lama kelamaan keadaan akan menjadi lebih baik bagi mengurangkan kerisauan. Berdasarkan kepada teori Jungian dalam Green (2005) pula menyatakan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam kaunseling seni seperti melukis akan mula untuk memahami dengan lebih baik proses bawah sedar mereka. Menurut Allan (1988) Jungian percaya apabila keadaan bawah sedar bertukar kepada keadaan sedar, penyembuhan psikik dan kekuatan ego akan berlaku. Melalui melukis, penggunaan bahan seperti kertas lukisan, pensel warna, dan cat membolehkan kanak-kanak bebas membentuk perkara-perkara yang berlaku tentang kehidupannya dan dapat melakukan ekspresi dengan selesa (Furth, 1988). Kanak-kanak boleh melukis secara spontan dengan membuat pemilihan tajuk, ini akan meningkatkan lagi pengawalan sendiri (Allan, 1988).

Steinhardt (2000) menyatakan bermain pasir merupakan aktiviti yang mengintergrasikan kanak-kanak bermain dengan pasir dan berpeluang untuk membuat pemilihan terhadap objek-objek miniatur. Bermain pasir dapat mewujudkan suasana yang tenteram, maka ini memudahkan kanak-kanak untuk memberi tumpuan dan melegakan mereka (Allan, 1988; Carmichael, 1991). Dalam suasana yang tenteram dapat membantu kanak-kanak yang mengalami kerisauan seperti mengurangkan tekanan. Bermain pasir

merupakan teknik yang sesuai kepada kanak-kanak yang pemalu dan cenderung untuk menarik diri. Teknik ini sesuai kerana tidak memerlukan penggunaan lisan keterlaluan. Melalui kaedah pemerhatian dan aktiviti bimbingan dalam bilik darjah pula dapat membantu kaunselor untuk menjalankan beberapa sesi terapi bermain.

Kajian yang dijalankan adalah berfokus kepada kemahiran asas teknik-teknik terapi bermain seperti teknik bermain pasir dan teknik melukis serta proses terapi bermain kemahiran kaunseling kanak-kanak berasaskan sokongan teori pemusatan klien. GBK akan mengendalikan sesi terapi bermain bersama murid yang mengalami masalah kerisauan dan estim sendiri. Sehubungan dengan itu kajian ini diharapkan memberi sumbangan secara tidak langsung kepada pengurangan kerisauan murid dan peningkatan estim sendiri murid di sekolah tersebut.

1.7 Pernyataan Masalah

Pemikiran, emosi dan tingkah laku murid-murid di peringkat sekolah kebangsaan tidak boleh disamakan dengan murid-murid di sekolah menengah. Daya kognitif murid-murid di peringkat sekolah kebangsaan untuk menaakul perkara yang abstrak amatlah sukar. Murid-murid dalam peringkat umur sebegini masih belum memahami atau menaakul tentang perkara-perkara yang abstrak. Pelbagai peristiwa yang boleh berlaku terhadap murid-murid sekolah

kebangsaan antaranya kehilangan orang yang disayangi (manusia atau haiwan), perpisahan ibu bapa, perceraian, penderaan emosi, fizikal, trauma, penyakit kronik, kanser dan sebagainya. Peristiwa-peristiwa seperti ini akan memberikan kesan yang amat mendalam pada emosi murid-murid. Menurut Kasmini (1998) manusia adalah golongan benda hidup yang mempunyai perasaan yang tinggi dan paling halus. Perasaan atau emosi ini mempunyai tiga komponen: (i) Perasaan dalaman tertentu: ini dialami dan dirasai secara subjektif seperti rasa takut, suka, duka, marah dan benci, (ii) Corak rangsangan fisiologi: ini termasuk semua perubahan fisiologi dalam badan yang berlaku dalam setiap keadaan emosi seperti berasa jantung berdebar apabila berada dalam keadaan takut dan perut berasa tidak selesa apabila dalam keadaan cemas dan (iii) Corak penonjolan perasaan secara terbuka (*overt*): komponen ini merangkumi gerak geri badan dan perubahan pada air muka apabila timbulnya pelbagai perasaan dalaman. Seseorang akan bergerak dengan perlahan dan menundukkan kepala apabila berada dalam keadaan sedih atau mata kelihatan terbeliak dan kening berkerut apabila dalam keadaan takut.

Lanjutan dari itu Kasmini (1998) menyatakan setiap emosi pula mempunyai perbezaan mengikut peringkat kekuatannya. Perasaan takut jika disusun peringkat kekuatannya daripada peringkat yang rendah kepada yang tertinggi sekali adalah seperti berikut:

- (i) Peringkat kekuatan takut: Rasa resah tegang aprehensif menggeletar